

AHAD | 10 Julai 2022 | 10 Zulhijah 1443H

# Perjalanan pertama ART 2025

| ZARINA ABDULLAH  
suarasarawak.news@gmail.com

**KUCHING:** Penduduk Sarawak dapat melihat Transit Aliran Autonomi (ART) yang menggunakan kuasa hidrogen apabila mula beroperasi menjelang suku keempat 2025 selepas kerja pembinaan fizikal dijangka bermula September ini. Pengarah Komunikasi Korporat, Program SEED dan Perhubungan Bumiputera Sarawak Metro, Alexius Barieng berkata, mungkin pada separuh kedua 2023 penduduk Kuching dapat melihat ART pertama di Sarawak ini secara fizikal.

"Tetapi pengoperasian sepenuhnya atau perjalanan pertama mungkin bermula suku keempat 2025," katanya pada Majlis Sarawak Metro Bersama Media, di sini.

Katanya, terdapat banyak pembangunan sistem pengangkutan di bawah Sarawak Metro dan kerja lapangan ART

bermula tidak sampai tiga bulan lagi.

Tambahnya, kerja pembinaan secara keseluruhan ART terbabit dijangka siap sepenuhnya menjelang 2027 demi menaik taraf sistem pengangkutan awam di negeri ini.

"Sudah tentu ART kuasa hidrogen yang bukan sahaja pertama di Malaysia tetapi seluruh dunia ini akan menjadi kebanggaan seluruh rakyat Sarawak.

"Bukan sahaja dari segi kemajuan teknikal tetapi kami percaya ini akan memberi manfaat kepada penduduk Kuching dari segi menambah baik sistem pengangkutan awam," ujarnya.

Dalam pada itu, katanya Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg akan mengumumkan satu berita besar mengenai projek Sarawak Metro dalam tempoh dua minggu lagi.

ART Kuching melibatkan



**CUBA...** Pengamal media memeriahkan Majlis Sarawak Metro Bersama Media, di sebuah hotel terkemuka di Kuching. | Foto MOHD ALIF NONI

pembinaan dua jajaran laluan sepanjang 52.6 km.

Sarawak Metro sebagai anak syarikat milik penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) yang ditubuhkan pada

Feb 2018 divers tanggungjawab untuk membangun dan mengurus pengoperasian ART.

ART menurut pemerhati pengangkutan berupaya mengurangkan kesesakan di

laluan Samarahan-Kuching dan sebaliknya.

Ia merupakan satu daripada 110 inisiatif Abang Johari sejak menerajui Kerajaan Sarawak pada 13 Januari 2017.